

## **BAB TIGA**

### **GLOBALISASI**

#### **3.1 Pengenalan**

Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Melalui proses ini, dunia akhirnya tidak lagi mempunyai sempadan dan bebas untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media komunikasi seperti internet, media elektronik dan teknologi siber.<sup>1</sup>

Globalisasi juga merujuk kepada peralihan nilai, terutamanya cara berfikir dan gaya bertindak dari satu daerah ke daerah dunia yang lain. Proses globalisasi yang berlaku hasil daripada perkembangan pesat dalam bidang teknologi komunikasi telah memungkinkan seluruh pelosok dunia dan perhubungan di antara sebuah negara dengan negara yang lain dan perhubungan sesama manusia dapat dilakukan dalam tempoh masa yang singkat.<sup>2</sup>

---

1. York W. Bradshaw, Michael Wallace, *Global Inequalities*, (New York: Pine Forge Press), 1996, hlm 33  
2. Samsuddin A. Rahim , "Globalisasi dan Pencerobohan Budaya," *Dewan Masyarakat*, Mei 2000, hlm 20.

Globalisasi mempunyai pengertian yang luas adalah suatu hakikat yang tidak dapat dipertikaikan. Hakikat globalisasi itu sendiri sudah wujud sebelum istilah globalisasi diperkenalkan lagi. Globalisasi ini sebenarnya telah berlaku di empat zaman iaitu ketika zaman Rom-Yunani, zaman Islam, era dominasi Barat dan zaman kontemporari. Namun bentuknya adalah berbeza antara satu zaman dengan zaman yang lain.<sup>3</sup> Dan perubahan perkembangan globalisasi yang pesat ini jelas kelihatan selepas Perang Dunia Kedua yang mana jarak dan masa telah didekatkan oleh perkembangan media, komunikasi yang membolehkan penghayatan masa sebenar (*real time*) di antara penduduk di pelbagai negara di seluruh dunia.

Perkembangan ini menunjukkan telah berlaku pemampatan (*compression*) dan pengecilan (*shrinking*). Perkembangan ini juga telah melahirkan konsep *global village* (desa sejagat) yang bukan sahaja mencerminkan arus dalam media dan komunikasi pada masa itu yang cuba mengaitkan masyarakat dunia sebagai satu unit tetapi juga turut mempengaruhi idea pemampatan atau pengecilan dunia sehingga memungkinkan wujudnya apa yang disebut sebagai ‘komuniti global’.<sup>4</sup>

3. Abdul Rahman Embong, *Negara Bangsa Proses dan Perbaasan* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2000), hlm.93.

4. Norani Othman, *et.al*, *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,2000), hlm. 24

Terdapat ciri-ciri kewujudan globalisasi yang berlaku di seluruh dunia kini. Antaranya ialah peristiwa seperti berikut:<sup>5</sup>

1. Pada tahun 1991 sahaja lebih 1 bilion manusia menaiki kapal terbang di seluruh dunia.
2. Kini di Amerika, syarikat-syarikat asing memberi pekerjaan kepada 3 juta penduduk Amerika Syarikat sendiri.
3. Lebih 400, 000 orang pelajar daripada 150 buah negara luar belajar di Amerika Syarikat.
4. Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua telah terlaksana penggunaannya di 100 buah negara dunia.
5. Pengusaha makanan segera McDonalds misalnya beroperasi di lebih 10,500 restoran di 50 buah negara.

Fakta-fakta di atas, menunjukkan perbezaan proses globalisasi itu dari segi ciri-cirinya yang jika dibandingkan dengan zaman-zaman lepas, pengaliran objek-objek pada zaman kontemporari ini adalah jauh lebih pantas, lebih meluas serta melibatkan jenis dan kuantiti objek yang lebih banyak.

<sup>5</sup> Hashim Haji Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2001), hlm. 1-5.

Kamus Dewan mendefinisikan globalisasi sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepentasan perkembangan teknologi maklumat.<sup>6</sup> Manakala cendekiawan Barat mentakrifkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial dan ekonomi yang boleh dirasai oleh seluruh umat manusia di dunia ini. Ini bermakna segala-galanya menjadi milik bersama dalam konsep dunia tanpa sempadan.

David Loy, seorang pensyarah Universiti Bunkyo, Jepun yang juga pembentang kertas kerja di persidangan globalisasi anjuran JUST (*International Movement for a Just World*) mengatakan globalisasi sebagai “*A complex set of developments: economic, political, technological and cultural*”.<sup>7</sup> Manakala Pusat Kajian Globalisasi dan Regionalisasi (CSGR), Universiti Warmick, England pula memberi dua pandangan terhadap fenomena globalisasi. Pertamanya globalisasi dilihat sebagai satu himpunan proses yang begitu pantas, meningkat-tingkat langkah atur proses tersebut dengan kawalan dari pihak-pihak yang bertanggungjawab.

6 Kamus Dewan, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), hlm. 408.

7 Osman Bakar, *Pengaruh Globalisasi Terhadap Peradaban*, dbp.gov.my/dbp98/majalah/pg.pdf, hlm.5-6.

Maka penyebaran maklumat, ekonomi, politik, budaya dan sosial berlaku tanpa mengira sempadan. Keduanya, globalisasi dikatakan sebagai satu wacana yang menyebarkan ilmu pengetahuan dari sudut yang tertentu untuk menguruskan dunia *post modern* ini.<sup>8</sup> Maksudnya di sini, globalisasi ialah suatu himpunan proses pengaliran global pelbagai jenis objek yang melibatkan pelbagai bidang aktiviti manusia.

Dan objek globalisasi merangkumi fizikal iaitu material dan bukan fizikal iaitu maklumat, ide, nilai, institusi atau sistem. Himpunan proses pengaliran global ini dan juga bidang aktiviti manusia yang terlibat kian kait mengait dan saling bergantungan. Contoh yang terbaik ialah Jepun iaitu sebuah negara maju hasil daripada pinjaman peradaban bangsa lain lantas dipelajari, diperbaharui bagi memantapkan lagi peradabannya yang sudah sedia ada. Pinjaman atau pengaliran yang dibuat tidak terhad pada kebendaan seperti misalan memodenkan lagi atau memperbaiki lagi ciptaan yang telah dibuat oleh negara Barat seperti kereta, komputer, walkman dan lain-lain.

---

<sup>8</sup> *Ibid*, hlm. 6.

Oleh sebab itu, konsep globalisasi ini telah digunakan secara agak meluas oleh ahli perniagaan, ahli politik, para peneraju industri teknologi maklumat dan pemimpin media. Globalisasi seolah-oleh satu kemestian dalam mewujudkan situasi menang-menang ‘*win-win situation*’ dalam dunia yang dikatakan penuh dengan peluang dan cabaran. Hal ini menimbulkan ‘euphoria’ sehingga dikatakan boleh membawa rahmat yang besar kepada seluruh umat manusia.<sup>9</sup>

Menurut Abdul Rahman Embong, “daripada satu segi, globalisasi bertujuan untuk menarik modal, teknologi dan kepakaran asing.” Dalam era globalisasi, setiap negara yang tidak kira negara miskin atau kaya berada dalam padang yang sama dan boleh memasuki pasaran negara masing-masing.<sup>10</sup> Globalisasi turut berkaitan dengan manusia, dan bukan pasaran sahaja; individu dan bukan institusi sahaja; komuniti dan bukan negara sahaja. Walau bagaimanapun 3 perkara harus diambil kira iaitu tanggungjawab, kebolehpercayaan, ketekunan agar globalisasi menjadi berkesan dan adil, mudah diperolehi dari segi ekonomi, teknologi atau kebudayaan, memberi kuasa kepada rakyat dan negara dan melindungi hak asasi individu dan alam sekitar.<sup>11</sup>

9 Samsuddin A. Rahim, *Ibid*, hlm.21.

10 Shahrom TM Sulaiman, Dr. Mahathir lawan Globalisasi, *Dewan Ekonomi*, Februari 2001, hlm 36.

11 Osman Bakar, *op cit*, hlm 6

Maka proses globalisasi perlu diharungi dengan nilai-nilai sedia ada dalam satu-satu peradaban berlandaskan potensi diri iaitu dari sudut mental dan fizikal yang positif malah pendekatan sahsiah kerohanian diri tiap insan. Contoh terbaik adalah Jepun yang telah menjadi sebuah negara industri dan salah satu daripada kuasa ekonomi terkuat di dunia hasil daripada pertukaran ilmu, teknologi, budaya dan peradaban lain ke dalam pemikiran, cara hidup, aktiviti seharian dan pandangan hidup orang Jepun menerusi proses globalisasi itu tadi.

Hal ini jelas berlaku apabila Jepun yang keluar daripada dasar tutup pintu pemerintahannya telah sedar kemampuan sebenarnya apabila berdepan dengan ancaman dan cabaran luar. Ini kerana negara Jepun menjadi lemah setelah ia mengasingkan diri selama 200 tanpa sebarang hubungan luar terutamanya Barat yang ketika itu melalui zaman revolusi penciptaan peralatan, perkembangan penyelidikan, ilmu pengetahuan dan perluasan kuasa di seluruh dunia. Ini menjadikan Jepun tidak bermaya dan tidak mengalami kemajuan serta pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Tetapi apabila Jepun di bawah pemerintahan Meiji, Jepun membuka sempadannya kepada dunia bagi menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan. Ini, secara tidak langsung berjaya membawa Jepun ke arah pmodenan.

Hasil daripada kajian menunjukkan masih lagi tiada definisi muktamad istilah globalisasi kerana ia sesuatu yang dinamik dan sentiasa mengalami perubahan dan memerlukan penjelasan dan penambahan baru dalam setiap definisi yang telah dibuat sebelum ini.

### 3.2 Dimensi Globalisasi

Dalam era globalisasi ini, ruang dunia semakin mengecil dan sempit daripada yang asal. Jika dahulu dunia ini seluas saujana mata memandang dan dipagari dengan sempadan-sempadan tertentu namun kini ia tidak relevan lagi. Malah pada hari ini kita sendiri dapat merasakan bahang globalisasi. Ledakan teknologi maklumat yang pesat merupakan medium utama kepada agenda globalisasi ini.<sup>12</sup>

Perlu ditegaskan di sini bahawa globalisasi adalah satu konsep yang bersifat pelbagai-dimensi dan merangkumi ekonomi, politik, sosial dan ideologi. Namun begitu dalam disertasi ini, perbincangan dimensi globalisasi hanya terhad kepada tiga sahaja iaitu dimensi politik, ekonomi dan sosial.

12. Noraini Othman, *et.al*, hlm 26.

### **3.2.1 Globalisasi Politik Secara Umum**

Apabila membicarakan dimensi ini, tidak dapat lari daripada melibatkan soal kuasa. Ia bukan semata-mata politik secara formal dalam erti kata pemerintah dan parti-parti politik, tetapi bermaksud seluruh pengaturan sosial bagi pemusatan dan penggunaan kuasa sama ada oleh mereka yang mempunyai kuasa negara, ataupun oleh mereka yang merundingi atau mempersoalkan kuasa tersebut (seperti yang dilakukan oleh proses politik akar umbi, termasuk badan-badan masyarakat sivil). Dalam melaksanakan kuasa, terdapat penggunaan pemaksaan dan pemantauan secara sistematik melalui badan-badan berkuasa seperti tentera, polis dan sebagainya.

Salah satu isu terpenting dalam dimensi politik globalisasi ialah fenomena *deteriorization*, atau penyahwilayah; iaitu satu proses dan tindakan politik yang melintasi perbatasan wilayah negara.<sup>13</sup> Selain itu dari segi politik, terdapat juga idea mengenai demokrasi dan hak asasi manusia yang dianggap prinsip sejagat yang mesti diterima oleh umat manusia. Penyebaran idea ini diterajui oleh Amerika Syarikat-kuasa terkuat di dunia-dengan cara seolah-olah ia suatu kepercayaan agama.

---

<sup>13</sup> Malcom Waters, *Globalization*, (London: Routledge, 1995), hlm.20.

Walau bagaimanapun, idea ini mencetuskan perlawanan dan pembezaan di pelbagai pelosok dunia; misalnya, terdapat negara yang cuba mentakrif semula demokrasi dan hak asasi manusia menurut keadaan di tempat atau negara masing-masing. Globalisasi politik, tanpa sedar atau tidak, telah memperlihatkan kuasa negara yang kuat akan mendominasi negara yang lemah atau yang dijajah. Segala aspek kehidupan akan ditentukan oleh negara yang mendominasi. Walaupun ia tidak menjajahnya secara langsung tetapi menerusi ekonomi dan juga muslihat politik membolehkan sesebuah negara itu tergadai kemerdekaannya.

Globalisasi di era kontemporari, mengakibatkan hampir segala tindakan terpaksa merujuk kepada telunjuk negara yang besar dan kuat. Kebebasan tersekat dan semua masyarakat dunia seolah-olah telah menerima bahawa apa jua yang datang daripada Barat itu adalah sesuatu yang baik dan dianggap moden. Sesiapa yang menolaknya dikira menolak pemodenan atau pembangunan. Ini akan merugikan masyarakat sesebuah negara.

Perkhabaran sebegini sememangnya mahukan sesebuah negara itu membuka ruang negara tersebut tidak kira dari segi ruang udaranya malah juga dari segi politik, ketenteraan dan ekonominya. Hal ini menimbulkan ketidakseimbangan sesebuah negara dengan sebuah negara yang lain. Kekayaan

juga tidak diberi sama rata. Ini akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di masyarakat dunia. Biasanya jalan atau cara yang diketengahkan untuk menyelesaikan sesuatu ialah dengan menggunakan cara penyelesaian politik Barat yang belum tentu mujarab bagi sesetengah negara seperti di Asia yang berbeza dari latar belakang kehidupan, budaya, sejarah dan juga bahasa.

Akan tetapi sama ada disedari atau tidak rata-rata negara di dunia telah menerima sistem politik ala Barat itu sebagai sesuatu pilihan yang bagus. Demokrasi ala Amerika adalah contoh globalisasi politik yang disebarluas dan diterimapakai di seluruh dunia menerusi teknologi komunikasi yang dikuasai oleh Barat.

### **3.2.2 Kaitannya Dengan Peradaban Jepun**

Dalam gelombang pertama, tamadun China banyak mempengaruhi peradaban Jepun. Bermula dari zaman Yayoi, pengaruh China telah menyerap masuk menerusi falsafah, agama, budaya termasuklah sistem politik, iaitu sistem uji yang dikembang, distrukturkan semula serta beberapa perubahan pada zaman kemudiannya. Perubahan politik semasa di era Meiji pula banyak pengaruhnya dari Barat. Ramai golongan terpelajar yang dihantar ke luar negara seperti Jerman, Britain dan Perancis untuk mempelajari selok belok pentadbiran yang boleh diterapkan di dalam negara. Banyak perubahan yang telah berlaku yang menyaksikan sistem feudal dihapuskan. Begitu juga, sistem hierarki sosial yang

ketat sejak zaman Tokugawa telah dihapuskan. Manakala golongan samurai kehilangan hak istimewa dan hak menggunakan pedang pada September 1871. Kemudiannya, pada Mac 1876 kerajaan mengharamkan pemakaian pedang oleh samurai. Dengan kata lain, samurai juga kehilangan hak sebagai pahlawan.<sup>14</sup>

Politik Jepun mengalami perubahan sekali lagi apabila kalah dalam Perang Dunia Kedua yang membawa kepada pendudukan Amerika (SCAP) dan pemulihan Jepun. Pendudukan di Jepun dalam tempoh 1945-52 telah menampakkan transformasi dan proses demokrasi yang membolehkan Jepun menggubal satu perlembagaan baru dan perkembangan satu sistem berparlimen berasaskan model Amerika Syarikat. Parti-parti politik mula bertapak dan parti-parti konservatif muncul di arena politik Jepun.<sup>15</sup>

Sistem pemerintahan Jepun diumumkan pada 3 November 1946 dan berkuatkuasa pada 3 Mei 1947. Melalui sistem tersebut, banyak pembaharuan dibuat. Maharaja tidak lagi mempunyai kuasa dalam kerajaan tetapi hanya menjadi simbol negara dan lambang perpaduan rakyat. Tugas Maharaja hanyalah melantik secara rasmi Perdana Menteri dan Ketua Hakim. Maharaja hanya bertanggungjawab mengumumkan undang-undang dan perjanjian yang dibuat oleh kerajaan, memanggil ahli-ahli parlimen untuk bersidang dan menganugerahkan pingat dan darjah kebesaran<sup>16</sup>

14. Richard Storry, *op.cit*, hlm. 50

15. *Ibid*, hlm. 56

16. Azhar Mad Aros, *et.al*, *op.cit*, hlm. 230.

Organisasi Jepun seakan-akan sistem Parlimen British. Kuasa politik dikongsi bersama oleh tiga bahagian kerajaan iaitu kuasa undang-undang dipegang oleh diet, kuasa pengurusan dipegang oleh kabinet dan kuasa undang-undang dipegang oleh bahagian kehakiman.

### **3.2.3 Globalisasi Ekonomi Secara Umum**

Dimensi ekonomi dalam proses globalisasi merangkumi pengaturan bagi pengeluaran, pertukaran, agihan dan penggunaan barang dan perkhidmatan yang beroperasi melalui sistem pasaran. Dalam dimensi ini terdapat isu pemilikan kekayaan dan ketidaksamaan, di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.<sup>17</sup>

Globalisasi di bidang ekonomi juga dimaksudkan sebagai peningkatan pengintegrasian ekonomi hampir semua negara di dunia ke dalam ekonomi global yang seterusnya menyebabkan perkembangan atau perubahan di sesuatu rantau sekaligus memberi kesan yang amat besar kepada negara atau rantau lain. Ekonomi global terutamanya bersangkut-paut dengan kegiatan pengeluaran, pengaliran modal dan perdagangan pada peringkat global.

---

17. Malcom Waters, *Ibid*, hlm. 23

Globalisasi ekonomi merupakan aspek globalisasi yang paling ketara, ia terdapat globalisasi perdagangan dan globalisasi kewangan.<sup>18</sup> Perkembangan dalam ekonomi khususnya perkembangan syarikat transnasional (*transnational corporation-TNC*) yang begitu ketara sejak akhir 1970 an telah mempengaruhi pemikiran dan meningkatkan kesedaran global.

Tempoh 1945 hingga 1960, menyaksikan perkembangan kapitalisme antarabangsa dengan Pelaburan Langsung Asing (PLA) didominasi oleh Amerika Syarikat. Manakala perkembangan ekonomi sejak itu, khususnya setelah krisis ekonomi pada awal 1970 an pula menunjukkan perkembangan pelaburan langsung asing Jepun dan Eropah selain daripada Amerika Syarikat.<sup>19</sup>

Perkembangan ekonomi sedemikian memerlukan wujudnya saling kaitan (interconnectedness) dan saling bergantung (Interdependence) di antara unit-unit ekonomi di dunia yang dahulunya wujud secara kurang berintegrasi. Pertukaran pengurusan, modal, komponen, kewangan, tenaga kerja dan komoditi di kalangan pelbagai negara dan masyarakat semakin bertambah.

18. *Ibid*, hlm.25

19. Noraini Othman, *op.cit*, hlm. 72

Globalisasi perdagangan mempunyai struktur pengeluaran yang bersifat transnasional. Ia juga dikenali sebagai pengeluaran post-fordist iaitu tiada sesebuah negara menjadi ‘host’ (pemilik) kepada semua tahap pengeluaran. Contohnya bagi kereta, tayar, enjin dan sebagainya dikeluarkan di negara berlainan sebelum dicantum semula. Globalisasi kewangan adalah deregulasi pasaran kewangan dan mobiliti modal pada peringkat antarabangsa.

Ia juga meliputi dengan peningkatan gabungan dan pengambilalihan firma-firma.<sup>20</sup> Urusniaga barangsiap antara negara adalah kegiatan perdagangan antarabangsa sebelum era globalisasi pada masa kini yang telah mengubahkan sistem perdagangan dunia. Pengeluaran sesuatu barang tidak lagi dilakukan dengan mengeluarkan dan menggabungkan kesemua komponennya secara besar-besaran di sesuatu lokasi dalam sesebuah negara tertentu.

Sebaliknya pengeluaran pelbagai komponen untuk sesuatu barang itu dilakukan di banyak lokasi dan negara yang berlainan tetapi disepadukan dalam satu rangkaian pengeluaran yang berhirarki dengan TNC memainkan peranan besar. Pengeluaran global telah menggalakkan perdagangan antarabangsa. Antara contoh produk global yang dikeluarkan adalah seperti Nescafe, Nokia, McDonalds, 7-eleven, NIKE, Sony, Panasonic , NEC dan sebagainya.<sup>21</sup>

20. Malcom Waters, *op.cit*, hlm 26-28

21. Noraini Othman, *op.cit*, hlm. 51

Pada 1980-an, Toyota memperkenalkan sistem ‘Just-In-Time’ (JIT), iaitu sistem pengeluaran secara besar-besaran. Dengan mengamalkan sistem pengeluaran ini, sebuah TNC dapat mengeluarkan pelbagai jenis barang pada sesuatu masa dan tempat, dan ciri barang yang dikeluarkan juga berubah dengan cepat dan secara berterusan. Ini kerana citarasa pengguna cepat berubah.<sup>22</sup> Dasar pengliberalan perdagangan dan kewangan serta dasar deregulasi ekonomi telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara membangun seperti China sejak 1980. Langkah meliberalisasikan ekonomi negara-negara tersebut merupakan tindakbalas pemerintah terhadap perkembangan yang berlaku dalam ekonomi global, terutama setelah berakhirnya rundingan Pusingan Uruguay dan terbentuknya Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).<sup>23</sup>

Dengan perubahan ini, pembangunan negara lebih ditumpukan kepada usaha peningkatan kecekapan dan kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa. Seterusnya, setelah mengambil langkah mengurangkan halangan terhadap perdagangan asing dan menderegulasi ekonomi negara mereka, pemerintah di beberapa negara membangun, terutamanya di Asia Timur yang melaksanakan langkah menderegulasikan sistem kewangan dalam negara sendiri dan membukanya kepada pihak asing pada sejak awal 1990-an.<sup>24</sup>

22. *Ibid*, hlm. 53.

23. *Ibid*, hlm. 54.

24. Sakaiya Taichi, (terj.) Ariffin Bey, *Bagaimana Jepun Menghadapi Zaman Sukar*. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1998), hlm. 32.

### **3.2.4 Kaitannya Dengan Peradaban Jepun**

Globalisasi menuntut sesebuah negara itu membuka ruang yang seluasnya kepada apa jua persaingan atau penjajahan bentuk baru, terutamanya dalam bidang ekonomi. Mereka seharusnya bekerja keras untuk memastikan mereka tidak ketinggalan daripada negara maju. Begitu jugalah halnya yang berlaku dengan negara Jepun.

Penduduknya berkerja keras untuk menjadikan negara mereka sebagai sebuah negara maju. Paling jelas berlaku ketika pemerintahan Meiji yang menyaksikan perubahan secara drastik dalam ekonomi Jepun yang tidak mahu ketinggalan jauh daripada kemajuan yang telah dicapai oleh Barat. Pembaharuan yang dibuat oleh Meiji adalah sesuatu yang agak radikal iaitu dengan menggalakkan pembabitan orang awam dalam pentadbiran, hal ehwal perdagangan tanpa mengira kelas sosial mereka sama ada golongan bangsawan, pahlawan atau rakyat biasa.

Semua orang boleh menyumbang untuk kesejahteraan negara dan yang paling penting sekali apabila Meiji menyeru rakyatnya untuk mencari dan mempelajari sebanyak mungkin ilmu pengetahuan di seluruh dunia (dalam konteks ini adalah Barat) bagi memantapkan lagi landasan atau tampuk

pemerintahan beraja dan peradaban mereka. Atas kesedaran inilah munculnya kata-kata wakon yusai iaitu “Semangat Jepun, Teknologi Barat.”<sup>25</sup>

Bagaimanapun globalisasi juga menjadi pentas kepada Jepun untuk memberi sumbangannya kepada dunia luar terutamanya dari segi ekonomi, iaitu dengan berusaha menyenggara dan memajukan peranan ekonomi bebas; dan memberi sumbangan kepada pembangunan kegiatan ekonomi antarabangsa dengan membekalan teknologi, barang, modal dan sumber-sumber lain yang bermutu tinggi dan menyediakan pasaran dan pusat kegiatan ekonomi yang terbuka kepada semua pihak.

Ia turut memberikan sumbangan terhadap sistem pengurusan ekonomi antarabangsa dengan menjadi peserta dalam sistem pengurusan kolektif dan dengan menanggung kos barang awam antarabangsa (seperti menyenggarakan dan memajukan sistem perdagangan bebas, kerjasama ekonomi, dan membangun serta memindahkan teknologi).<sup>26</sup>

25 M Bakri Musa, *Malaysia In The Era Of Globalization*, (Washington: Writers Club Press, 2002), hlm 89.  
26. Yasusuke Murakami, Yutaka Kosai, (terj.) Ariffin Bey, *Jepun Dalam Komuniti Sejagat: Peranan dan Sumbangannya pada Abad ke-21*, (Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1988), hlm. 35.

Selain itu, menerusi globalisasi juga membolehkan Jepun mempelajari dan cuba memahami masyarakat antarabangsa, lebih-lebih lagi bagi tujuan pasaran dan perdagangan antarabangsa. Oleh sebab itulah, kita lihat dalam persaingan ekonomi di peringkat antarabangsa, Jepun bersungguh-sungguh mempelajari latar belakang ekonomi sesebuah negara lain sebelum memasarkan produknya.

Ditambah dengan sifat rajin dan sikap tidak pernah berpuas hati dengan hasil atau kajian yang dibuat menjadikan produk yang dihasilkan oleh mereka bermutu dan mendapat permintaan dari negara lain termasuk negara Barat sendiri. Bidang utama yang banyak memberi sumbangan kepada ekonomi Jepun adalah perindustrian. Bidang lain yang turut membantu ialah pertanian, perikanan, pembalakan, penjanaan kuasa elektrik dan penghasilan tenaga nuklear.

Kemajuan ekonomi Jepun dapat dilihat berdasarkan kuasa yang dimilikinya di peringkat antarabangsa. Asetnya sahaja 3 kali ganda daripada rakyat Amerika Syarikat. Kadar pengangguran di Jepun kekal di bawah paras 3% pada tempoh yang panjang dan hanya meningkat sebanyak 2.1% pada penghujung tahun 1990.<sup>27</sup>

27. Azhar Mad Aros, *et. al*. op. cit. hlm 300.

Sebenarnya terdapat juga beberapa faktor lain selain hasil hubungan antarabangsa (globalisasi) yang telah membawa kepada kemajuan ekonomi Jepun iaitu pekerja Jepun jarang melakukan mogok, penglibatan banyak sektor swasta, ahli-ahli syarikat bersatu padu untuk menjayakan syarikat masing-masing, adanya sistem senioriti dan sistem kerjaya seumur hidup iaitu setia pada syarikat mereka bekerja. Sikap sebeginilah yang akhirnya memantapkan peradaban Jepun terutama di era globalisasi. Malah beberapa konsep bekerja orang Jepun ini telah ditiru oleh banyak negara termasuklah negara Barat.

### **3.2.5 Globalisasi Sosial**

#### **3.2.5.1 Globalisasi Budaya dan Keagamaan (Secara Umum)**

Dari segi dimensi dalam proses globalisasi, budaya bermaksud pengaturan sosial bagi pengeluaran, pertukaran dan pernyataan simbol yang menceerminkan kehidupan manusia seperti gaya hidup, kepercayaan, citarasa dan lain-lain lagi. Ia dilahirkan secara material dan bukan material dalam kehidupan individu dan kelompok, iaitu suatu fenomena yang sudah melintasi perbatasan negara.

Globalisasi budaya dilakukan secara sistematis melalui proses pembangunan di negara-negara membangun. Dunia menjadi homogen dengan dominasi informasi, teknologi, makanan, pakaian, minuman, kendaraan dan banyak lagi.<sup>28</sup> Dari segi budaya, terdapat penyebaran budaya konsumen Amerika Syarikat ke seluruh dunia, suatu proses yang disebut sebagai “*McDonaldisation of society*”.

Istilah ini digunakan untuk merujuk kepada proses penyebaran budaya konsumen oleh syarikat-syarikat transnasional dunia. Budaya konsumen perlu disebarluaskan supaya lahir penyeragaman budaya seperti dari segi gaya hidup. Selain itu globalisasi budaya juga boleh berlaku melalui penyebaran maklumat dan berita melalui teknologi maklumat dan media elektronik dan satelit televisyen.

Satu lagi unsur adalah penyebaran luas budaya konsumen global yang dicontohi oleh pelbagai organisasi dan korporat perniagaan global yang bersifat transnasional dan multinasional. Pensejagatan beberapa unsur konsumerisme dalam budaya hidup harian telah pun berlaku pada satu tahap tertentu di semua pelusuk dunia.<sup>29</sup>

28. [www.indonesiamu.com](http://www.indonesiamu.com).

29. Norani Othman, *et al*, op.cit, hlm 52.

Teknologi komunikasi berkembang dengan pesat. Kewujudan penyiaran televisyen secara terus melalui satelit dikatakan telah mewujudkan perkampungan global (global village). Perkampungan global membolehkan kita berhubung secara bebas dengan semua orang di dunia ini. Ini dapat dilihat menerusi ekonomi Asia Timur yang sedang berkembang dengan pesat dan wujudnya persaingan untuk mendapatkan pasaran televisyen di Asia Timur.

*TV is exploding All Over Asia* yang mana pengusaha televisyen utama dari seluruh dunia sedang berkeliaran di Asia untuk mendapat tempat di sebahagian daripada tiga bilion penonton. Star TV (*Satelite Television Asia Region*) yang mula beroperasi pada tahun 1990 telah menyertai perlumbaan untuk menguasai pasaran televisyen Asia Timur dengan menayangkan rancangan yang memberi peluang kepada penonton membuat pilihan dan seterusnya meningkatkan keinginan untuk rancangan lain. Kejayaan Star TV menjadikannya sasaran pengambilalihan oleh raja media Amerika Rupert Murdoch.

Selain *Star TV*, terdapat pengusaha satelit yang lain, HBO, *Turner Broadcasting, Asian Business News* dan ESPN merupakan pesaing yang kuat kepada *Star TV*. Peluang untuk penyiar lain menggunakan satelit adalah banyak kerana beberapa satelit baru telah dilancarkan oleh kerajaan dan usahawan dari negara Thailand ke Korea Selatan. Kewujudan kapasiti satelit telah membuka langit Asia kepada penyiar. Star TV juga mempunyai saluran berbahasa Cina

yang menayangkan filem China yang diterbitkan oleh Golden Harvest Studio di Hong Kong. Rancangan Star TV ialah untuk mengukuhkan programnya dengan menyesuaikan programnya kepada pasaran yang terbesar di Asia Timur iaitu China.

Walaupun ianya berjaya berkembang ke seluruh Asia Timur tetapi juga menghadapi kesan-kesan penyiaran televisyen secara terus melalui satelit. Penyiaran televisyen satelit ialah peniruan nilai budaya asing secara bulat-bulat oleh penonton. Peniruan budaya Amerika oleh penonton televisyen satelit di Asia Timur akan melahirkan kesamaan atau keselarasan budaya. Kesamaan budaya membawa maksud kesamaan arus budaya menuju ke satu arah sahaja yang akan mematikan kreativiti dan daya cipta budaya penerima siaran televisyen satelit. Nilai unik penerima siaran juga akan lenyap daripada dunia. Penyiaran televisyen satelit telah menjadi pembunuhan terhadap kepelbagaiannya budaya (*cultural diversity*) dan menggantikannya dengan satu budaya global yang diciptanya. Budaya global ialah “budaya global anak muda bandaraya” seperti yang ditunjukkan oleh rancangan kegemaran ramai, MTV yang disiarkan oleh Star TV.

Peningkatan kadar kekejaman dan seks bebas ialah salah satu kesan negatif siaran televisyen satelit kerana kebanyakan rancangan yang disiarkan adalah dari Barat yang penuh dengan kekejaman dan unsur seks yang keterlaluan. Hollywood (di Amerika Syarikat) yang dulunya adalah kilang

membina impian tetapi sekarang Hollywood telah menjadi racun yang mengeluarkan mesej yang menyerang institusi yang disanjungi seperti perkahwinan, kekeluargaan dan agama, disamping mengagungkan kekejaman dan kekacauan.<sup>30</sup>

Lebih memburukkan lagi keadaan adalah apabila segala nilai-nilai Barat sama ada yang berupa hiburan, pakaian atau makanan telah diterima sebagai kebudayaan dunia serta menjadi kayu ukur kepada pemodenan dan kemajuan. Akibatnya, kebudayaan kebangsaan yang berteraskan akal, budi dan jati diri masyarakat Asia Timur semakin terpinggir dan hilang kepentingannya termasuklah bahasa pertuturan mereka sendiri.

Penggunaan bahasa Inggeris yang digunakan secara meluas di seluruh dunia mendominasi ekonomi, diplomasi, media massa, bidang akademik, pendidikan dan budaya popular di merata dunia. Bahasa Inggeris telah memperolehi satu keperibadian budaya tempatan bersifat kacukan dan berkemampuan bertahan terutamanya di negara-negara bekas jajahan British.

30 Dewan Masyarakat, Januari 1995, hlm 15-16.

Perkembangan Bahasa Inggeris di Asia Timur juga telah mengakibatkan globalisasi budaya secara keseluruhan. Secara khususnya, bahasa Inggeris telah berjaya menembusi sektor korporat, teknologi, pendidikan dan kehidupan sosial. Perkembangan bahasa Inggeris dan penggunaannya adalah satu tanda ketara dampak globalisasi di Asia Timur.<sup>31</sup> Bahasa Inggeris bukan sahaja mendapat kedudukan utama di ibu kota serta tempat-tempat awam secara keseluruhannya malah ia telah menjadi punca besar penghasilan budaya kreatif dalam masyarakat Asia Timur yang terpisah-pisah mengikut kumpulan etnik dan bahasa.

Dari segi keagamaan pula kita dapati mana-mana peradaban mengalami transformasi daripada agama asli seperti animisme kepada agama Kristian, Islam, Buddha dan banyak lagi akibat daripada berlakunya globalisasi di dalam masyarakat mereka yang berhubung dengan dunia luar sama ada menerusi perdagangan, perkahwinan mahupun peperangan.

Di Malaysia sendiri, agama asal penduduk Melayu adalah Hindu atau animisme iaitu tidak mempunyai agama dan hanya bergantung kepada semangat, roh orang yang sudah mati atau apa juar benda yang aneh akan dianggap sebagai keramat. Namun, adanya hubungan dengan dunia luar secara tidak langsung telah mengakibatkan orang Melayu pada masa itu menerima budaya dan juga ilmu daripada luar.

<sup>31</sup>. Norani Othman, *et.al*, *op.cit*, hlm. 81

Antaranya kedatangan pedagang Islam pada masa itu di Melaka telah menarik ramai orang Melayu untuk memeluk agama Islam akibat dari pemerhatian mereka terhadap agama, perlakuan, ilmu para pedagang tersebut. Selepas beberapa dekad kemudian, pendatang Barat pula menjajah dan membawa bersama-sama sekali budaya, agama dan juga pemikiran mereka. Dan akhirnya idea, pemikiran baru ini diserap atau diasimilasi dengan adat tradisi orang Melayu yang mana adat atau budaya yang tidak bercanggah dengan Islam akan diterima dan diserapkan ke dalam adat tradisi manakala jika sebaliknya akan ditolak.

Begitu jugalah dengan peradaban lain yang mana prosesnya masih berterusan sehingga sekarang. Apa yang berbeza ialah iaya berlaku dengan pantas dan maklumat mengenai sesuatu agama boleh didapati dengan mudah malah pelbagai dialog agama dibuat bagi mencari kesesuaian untuk hidup bersama dan memahami antara satu sama lain.

### **3.2.5.2 Kaitannya Dengan Peradaban Jepun**

Orang Jepun sangat menghargai sifat baik tradisional Konfusian dan agama Budhha seperti ketekunan, jimat cermat dan menabung. ( mereka masih cenderung untuk menabung suatu perkadarhan tinggi pendapatan mereka) telah menjadi lemah dan kurang sifat berjimat cermat dengan penggunaan pakaian dan makanan yang telah bertambah secara drastik.

Jika dahulu perhubungan hanya menerusi surat atau burung merpati tetapi hasil globalisasi ilmu dan teknologi membolehkan banyak perkara yang dipelajari dan diperbaharui penggunaannya sekaligus menukar adat budaya yang dirasakan tidak bersesuaian dengan keadaan atau perkembangan semasa. Contohnya kini, perkadaran orang yang memiliki perakam pita video, televisyen warna, peti sejuk, mesin basuh dan keluaran lain ialah salah satu daripada yang paling tinggi di dunia dan bilangan telefon jika dibandingkan dengan jumlah penduduk adalah di tempat kedua hanya selepas Amerika Syarikat. Oleh yang demikian kehidupan sehari-hari orang Jepun adalah sangat moden.<sup>32</sup>

Jumlah maklumat yang diterima oleh orang ramai melalui televisyen, radio, surat khabar dan majalah telah bertambah beberapa ratus kali jika dibandingkan dengan empat puluh tahun lalu, semasa berakhirnya Perang Dunia Kedua. Maklumat yang diterima adalah pelbagai. Peradaban Jepun terus kekal dalam keadaan asalnya walaupun secara luarnya mereka kelihatan begitu moden sekali tetapi jika diteliti lama kelamaan kita akan dapati sebenarnya jati diri mereka sebenarnya masih lagi kuat dengan amalan tradisional masyarakat Jepun.

<sup>32</sup> Azhar Mad Aros, *et al.*, *op cit.*, hlm 301

Begitu juga dari segi keagamaan yang mana kemasukan agama luar seperti Buddha dan Kristian telah mempelbagaikan lagi ruang lingkup beragama masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun sebenarnya masih mengamalkan animisme, menyembah apa sahaja dan ajaran agama lama Jepun iaitu Shinto masih lagi diteruskan hingga kini, namun ia telah diasimilasikan dengan agama lain.

Masyarakat Jepun sangat longgar dalam pengamalan agamanya. Ini kerana agama-agama tradisional tidak banyak membantu terhadap masyarakat Jepun dengan itu agama-agama baru menarik minat orang Jepun kerana kesesuaian dengan masyarakat moden. Masyarakat Jepun bukanlah masyarakat berfikiran luas terhadap agama.

Adat menjadi sebahagian daripada kehidupan orang Jepun walaupun ia berdasarkan agama yang berbeza dan diamalkan dengan tanpa perasaan tidak konsisten. Agama asli, Shinto tidak pernah menjadi agama eksklusif atau tidak bertoleransi dan pengenalan agama Budhha dan Konfusianisme dan Kristian pada kurun-17, tidak mengakibatkan banyak pergeseran.<sup>33</sup>

---

33. Alfred Hickling, *People*, *The Star*, 13 Disember, 2001, hlm 11-12.

Kepelbagaiannya dan keadaan kompleks agama-agama Jepun berkaitan dengan kecenderungan mereka untuk berasimilasi di dalam budaya Jepun. Jika dilihat dari segi sejarah, didapati Jepun telah menerima idea-idea baru tanpa menghapuskan kepercayaan asal orang Jepun tetapi ia bercampur di dalam tradisi-tradisi asal, yang mana ia kemudian dipanggil “Agama Orang Jepun”.<sup>34</sup>

### 3.2.5.3 Teknologi dan Pendidikan Secara Umum

Kemajuan dan perkembangan teknologi informasi yang pesat telah mewujudkan dunia semakin kecil dan ruang semakin menjadi tidak berjarak. Aspek teknologi globalisasi dapat dilihat dari teknologi informasi, komunikasi dan pengangkutan. Melalui internet (*the information superhighway*), masyarakat di seluruh dunia dapat berhubung dan berkomunikasi dengan cepat dan murah.

Informasi dapat disebarluaskan ke seluruh dunia dalam masa yang singkat. Masyarakat di Jepun dapat mengetahui apa yang terjadi di Korea. Kita dapat berada hari ini di Korea, esok di Beijing dan lusa di Tokyo. Teknologi informasi (IT) telah mengubah wajah ekonomi konvensional yang lambat kepada ekonomi digital yang tersebar dengan cepat.

<sup>34</sup> Azhar Mad Aros, *et al*, op.cit, hlm 302.

Konsep perdagangan elektronik melalui internet yang dikenali dengan nama *e-Commerce* turut menyumbang ke arah ini. Laporan “Roper Report Worldwide Spring 2000” pada Julai 2000, melaporkan bahawa tiga daripada sepuluh pengguna di seluruh dunia mempunyai komputer. Sebanyak 55 peratus pengguna komputer datangnya dari Asia, diikuti dengan Amerika Utara sebanyak 51 peratus. Sebanyak 20 peratus daripada pengguna komputer tersebut mempunyai akses internet di mana 41 peratus dari Amerika Utara dan diikuti dengan 32 peratus dari Asia.<sup>35</sup>

Penggunaan internet mudah alih meningkat dengan pantas terutamanya di negara Jepun. Semakin kurang yang berminat membeli komputer memandangkan kos membeli komputer yang tinggi. Penggunaan internet mudah alih semakin popular di Jepun mungkin disebabkan kejayaan “*I-mode mobile phone standard*” yang telah diperkenalkan oleh NTTDoCoMo pada tahun 1999.<sup>36</sup>

35 *Dewan Ekonomi*, Mei 2001, hlm 15.

36. *Ibid.*, hlm 16.

Teknologi digital digunakan untuk memudahkan aliran maklumat disampaikan ke mana-mana sahaja atau sebagai pengawal yang berkala seperti penjaga masa dalam tugas yang memerlukan masa panjang yang tidak dapat dilakukan oleh manusia. Aliran digital juga lebih mudah dikendalikan dan dibentuk serta mampu membawa sebarang jenis format sama ada audio, video dan dokumen. Teknologi digital sering dikaitkan dengan internet kerana pengguna dapat merasai penggunaannya secara langsung di dalam internet.

Kehidupan manusia di masa akan datang banyak bergantung kepada teknologi. Teknologi akan menjadi begitu canggih hingga komputer yang ada pada hari ini yang mempunyai sistem yang berubah dengan cepat dan laju. Era globalisasi yang sedang berlaku hari ini pasti akan memberikan peningkatan dan perubahan yang lebih ketara dalam bidang pendidikan.

Antara bidang ilmu atau pendidikan yang cepat maju dan canggih adalah bidang teknologi maklumat dan komputer. Bill Gates, peneroka bidang komputer yang terkenal, dapat memasarkan aplikasi keluaran Window ke seluruh dunia. Perkembangan teknologi yang begitu pesat pada masa ini di seluruh dunia memerlukan tindakan segera pembangunan sumber manusia untuk memberi latihan, pengetahuan dan kemahiran tentang teknologi maklumat, robotik dan sebagainya.

Kehidupan manusia semakin banyak bergantung kepada komputer dan teknologi di era globalisasi hari ini.<sup>37</sup> Ilmu pengetahuan dan kemahiran pula akan berorientasikan gabungan disiplin teknikal, statistik dan berasaskan komputer. Gabungan disiplin ini akan melengkapkan tenaga manusia masa hadapan untuk mengendalikan teknologi baru dan yang akan muncul seperti teknologi pembuatan berautomasi, bahan-bahan terbaru, bio-teknologi, elektronik dan teknologi maklumat.

### **3.2.5.4 Kaitannya Dengan Peradaban Jepun**

Teknologi yang dikuasai setelah berlakunya perkongsian ilmu teknologi dengan negara Barat telah membawa Jepun keluar sebagai salah sebuah negara yang cukup produktif dalam menghasilkan barangang berteknologi tinggi seperti televisyen, radio, video, telefon mudah alih, komputer, robot dan banyak lagi. Ini jelas menunjukkan kini bidang perindustrian dan teknologi merupakan bidang yang amat penting dan banyak memberi sumbangan kepada ekonomi Jepun. Bidang ini mula diperkenalkan di Jepun pada 1860an semasa zaman pemulihan Meiji.<sup>38</sup>

---

37. Norani Othman, *et.al*, *op.cit*, hlm 77

38. Azhar Mad Aros, *et.al*, *op.cit*, hlm 278.

Selepas Perang Dunia Kedua, Jepun menjadi antara negara perindustrian yang terkenal di dunia. Walaupun perindustrian Barat telah diperkenalkan di Jepun tetapi rakyat Jepun tetap mengekalkan nilai-nilai tradisi. Oleh itu terdapat dua jenis industri iaitu:

**Industri tradisional** yang mengeluarkan barang untuk kegunaan tempatan seperti makanan, pakaian dan alat-alat kelengkapan.

**Industri moden** yang dikendalikan oleh kilang-kilang besar dan mengeluarkan barang-barang moden seperti yang terdapat di Barat.

Selepas tahun 1953, mula wujudnya industri yang mengeluarkan barang elektronik, automobil, alat-alat elektronik dan tekstil. Jepun adalah pengeluar utama barang elektronik. Kemajuan industri ini berhubungkait dengan permintaan yang tinggi terhadap barangan seperti televisyen, radio, mesin basuh, komputer dan sebagainya. Industri automobil juga penting di Jepun. Pada era 1950-an, Jepun mula mengeluarkan kereta, dan kemudiannya diikuti dengan pengeluaran bas dan motosikal.

Teknologi dalam pembangunan industri kimia membolehkan Jepun mengeluarkan barangan seperti asid sulfurik, soda kaustik dan sebatian karbon, simen dan ammonium sulfat. Teknologi yang dimiliki oleh Jepun berjaya digunakan untuk membangunkan industrinya walaupun kekurangan bahan

mentah terutamanya petroleum. Menyedari hakikat tersebut, Jepun melibatkan diri dalam pelaburan lombong-lombong besi di India, Filipina dan Malaysia.

Ilmu pengetahuan dan teknologi yang dimiliki juga membolehkan mereka menikmati bekalan elektrik. Terdapat banyak empangan-empangan yang besar di Jepun yang menjadi pusat janakuasa hidroelektriok . Sejak 1955, 70 % daripada tenaga elektrik didapati dari janakuasa hidroelektrik.<sup>39</sup> Peningkatan penggunaan alat-alat elektrik di rumah-rumah dan perkembangan pesat industri menyebabkan bertambahnya permintaan terhadap kuasa elektrik.

Oleh itu pelbagai usaha dijalankan untuk memajukan kuasa elektrik bagi memenuhi keperluan negara. Selain itu, Jepun juga mempunyai pusat tenaga nuklearnya sendiri. Tokai-mura merupakan pusat tenaga nuklear yang terawal. Ia dikendalikan oleh *Atomic Energy Commission* yang ditubuhkan pada 1 Januari 1956. *Atomic Energy Commission* bertanggungjawab memastikan bahawa tenaga nuklear yang terhasil digunakan kepada perkara-perkara yang mendatangkan faedah terhadap manusia, bukan membahayakan manusia. Oleh itu, para saintis sentiasa menjalankan penyelidikan untuk mencari kegunaan-kegunaan baru bagi tenaga nuklear seperti penggunaan tenaga nuklear untuk memajukan pertanian, perubatan dan pengawetan makanan.

<sup>39</sup> *Ibid*, hlm. 300

Dari segi pendidikan pula kita dapati pendidikan moden bermula selepas Pembaharuan Meiji dan tradisi pendidikan wajib serta pendidikan tinggi dibentuk dalam tahun-tahun seterusnya. Ini berikutan kesedaran terhadap kepentingan pelajaran menjadi asas terpenting untuk menjadi kuasa ekonomi dan militari termoden. Pelajaran juga dianggap sebagai kunci membina sebuah negara yang kukuh.

Beratus-ratus pelajar Jepun dihantar ke luar negeri mempelajari sains, pentadbiran dan teknik perindustrian barat. Pakar-pakar, golongan profesional, teknologi barat telah dikaji untuk mengajar berbagai kemahiran kepada rakyat Jepun. Pada 1871, Kementerian Pelajaran ditubuhkan dan pada tahun 1872, Jepun dibahagikan kepada 8 kawasan pelajaran. Setiap kawasan mempunyai sebuah universiti, 32 sekolah menengah dan 210 sekolah rendah.

Kanak-kanak berusia 6 tahun ke atas menerima pelajaran wajib selama 16 bulan. Menjelang tahun 1880, terdapat hampir 28,000 buah sekolah rendah dengan jumlah murid hampir 2 juta. Pada tahun 1886, Mori Arinori (Menteri Pelajaran 1885-89) telah memulakan satu sistem-pelajaran sekolah rendah diwajibkan selama 8 tahun dan sekolah menengah menawarkan kursus selama 4 tahun.<sup>40</sup>

40. *Ibid*, hlm. 298-299.

Sekolah-sekolah tinggi dan sekolah teknikal peringkat tinggi ditubuhkan meliputi bidang perubatan, sains ketenteraan, pelayaran, pertanian, perdagangan, perikanan dan lain-lain. Pusat Tertinggi sistem pendidikan Jepun ialah Universiti Diraja Tokyo yang ditubuhkan pada tahun 1886. Menjelang tahun 1910, beberapa universiti diraja ditubuhkan di Sapporo, Kyoto dan Fukuoka.

Perintah Diraja mengenai pelajaran dikeluarkan pada 1890, menghuraikan mengenai kepatuhan dan penghormatan kepada maharaja harus diterapkan dalam kurikulum sekolah dan institut pengajian tinggi Jepun. Walau bagaimanapun, sistem ini telah diubah selepas Perang Dunia Kedua kepada sistem yang berasaskan sistem Amerika, dengan pendidikan wajib dibahagikan kepada enam tahun sekolah rendah dan tiga tahun sekolah menengah rendah.

Diikuti oleh pendidikan tinggi yang tidak wajib terdiri daripada tiga tahun sekolah menengah tinggi, empat tahun pengajian ijazah pertama dan pengajian selepas ijazah. Selain kursus ijazah universiti selama empat tahun, terdapat kursus ijazah pergigian dan perubatan selama enam tahun, kursus selama dua tahun di kolej pendidikan tinggi dan kursus lima tahun di kolej teknik. Pelajar memasuki peringkat terakhir ini selepas lulus daripada sekolah menengah rendah.<sup>41</sup>

---

41. *Ibid*, hlm. 299.

Sudah menjadi amalan bagi setiap keluarga Jepun yang mempunyai anak akan membelanjakan wang yang besar daripada belanjawan isi rumah mereka untuk pendidikan. Permintaan dan persaingan yang sangat tinggi dari kalangan pelajar Jepun telah menyebabkan kemasukan ke universiti juga semakin sukar. Ibu bapa juga mula melibatkan diri dalam penyelokahan anak mereka dan memasukkan anak mereka itu ke sekolah berprestij kerana ia merupakan lambang status bagi mereka.